

S2

PIL 'GUGUR' NYAWA

AKIBAT terdesak, pelbagai cara digunakan wanita hamil untuk menggugurkan kandungan secara haram termasuk menyalahgunakan ubat-ubatan. Kini pil Misoprostol menjadi pilihan bagi golongan terbabit dan lebih membimbangkan dijual secara terbuka. Ikuti kupasan wartawan S2, **MOHAMMAD AL FAIZAL ABDUL KARIM** berhubung apa kegunaan sebenar, risiko dan kesan pil berkenaan terhadap pengambilnya.

Ubat ulser 'jalan pintas' gugur kandungan

PENGAMBILAN pil Misoprostol atau lebih popular dikenali dengan jenama Cytotec dikesan sebagai 'jalan pintas' bagi wanita hamil untuk menggugurkan kandungan mereka.

Namun, ramai tidak sedar penyalahgunaan pil berkenaan yang sebenarnya berfungsi bagi merawat penyakit ulser perut dan gastrik itu boleh membawa kemudaratan, malahan maut sekiranya digunakan untuk tujuan pengguguran.

Lebih membimbangkan, pil tersebut dikesan mudah diperolehi, malah dijual secara terbuka kepada umum apatah lagi apabila diambil tanpa sebarang pemantauan dan nasihat pakar.

Ketua Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM), **Dr. Maiza Tusimin** berkata, Cytotec merupakan ubat terkawal yang dilarang penggunaannya bagi tujuan menggugurkan kandungan di negara ini.

Jelasnya, penjualannya adalah salah di sisi undang-

undang negara ini dan hanya boleh diperolehi daripada hospital dan klinik bersertakan preskripsi oleh pakar perubatan bertauliah.

"Wanita hamil yang mengambil pil Cytotec akan mengalami sakit perut kerana ubat tersebut merangsang otot-otot rahim untuk mengecut.

Hasilnya, janin yang berada di dalam rahim akan tertolak keluar.

"Ubat ini boleh mengakibatkan keguguran pantas kerana ransangannya terlalu kuat.

Bagaimanapun, ramai tidak tahu bahawa pengguna berisiko mengalami rahim koyak serta pendarahan

berterusan yang boleh membawa maut," katanya ketika ditemui **S2** baru-baru ini

Berdasarkan pengalaman, Maiza memaklumkan pernah didatangi wanita hamil yang menanggung kesan bahaya hasil penggunaan Cytotec bagi menggugurkan kandungannya.

"Wanita tersebut mengalami pendarahan dalaman tanpa henti selama sebulan. Namun dia agak bernasib baik kerana

aliran pendarahan berlaku dalam kuantiti kecil setiap hari," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan bahawa pengguguran kandungan tanpa sebarang sebab yang relevan adalah menyalahi undang-undang di negara ini.

"Pengguguran hanya dibenarkan jika kehamilan membawa bahaya kepada mental dan fizikal (kesihatan) ibu mengandung. Keputusan tersebut hanya boleh dilakukan pengamal perubatan bertauliah.

"Berdasarkan Seksyen 312 Kanun Keseksaan, individu menggugurkan anak tanpa sebab dihukum penjara sehingga tiga tahun atau denda atau kedua-duanya sekali," ujarnya.

Faktor pendorong pengguguran haram

Pasangan tidak menerima kehamilan

Wanita hamil mengalami kemurungan

Sistem sokongan (sosial) yang rendah



Bapa kepada kandungan menghilangkan diri

Pasangan tidak berkemampuan

Kehamilan tanpa ikatan sah

UTUSAN MALAYSIA

SABTU • 07.04.18

Kesan Misoprostol bagi pengguguran

- » Menyebabkan pengecutan berlebihan pada rahim.
- » Risiko keguguran tinggi.
- » Mengakibatkan keguguran kandungan 12 minggu ke bawah.
- » Berisiko tinggi bagi kandungan lebih 12 minggu.
- » Pendarahan teruk jika digunakan pada kandungan luar rahim
- » Tempoh pengguguran seawal empat hingga 12 jam
- » Kesan sampingan seperti sakit perut, loya, pendarahan teruk dan cirit



MAIZA TUSIMIN

Apa itu Cytotec?

Tablet mengandungi